

# Kemahiran generik, perkembangan kerjaya permudah belia dapat kerja

Oleh [Mohammad Noorizzuddin Nooh](#) - Januari 31, 2022 @ 11:00am

[bhrencana@bh.com.my](mailto:bhrencana@bh.com.my)



- Gambar hiasan

Bank Dunia dalam kajiannya bertajuk *Malaysia and the Knowledge Economy: Building a World-Class Higher Education System* mengenal pasti tiga faktor utama menyumbang pengangguran dalam kalangan graduan iaitu permintaan dan penawaran graduan, proses pencarian kerja dan ketidaksepadanan kemahiran.

Bilangan penganggur secara mudah adalah perbezaan antara bilangan orang yang mencari pekerjaan dan bilangan pekerjaan yang diwujudkan dalam ekonomi untuk mengambil mereka bekerja.

Fenomena pengangguran di Malaysia kini jelas disebabkan berlakunya lebihan penawaran graduan berbanding pekerjaan sedia ada. Ini disebabkan

pengembangan ketara penawaran graduan daripada institusi pengajian tinggi (IPT) awam dan swasta sejak penggubalan Akta Pendidikan Tinggi Swasta 1996.

Antara 2001 hingga 2003, keluaran graduan IPT meningkat lebih 60 peratus dalam tempoh tiga tahun. Ekonomi pula mencatatkan pertumbuhan lebih perlahan sejak 2000 berbanding dekad sebelumnya.

Walaupun ekonomi dalam proses pemulihan, unjuran kadar pertumbuhan keluaran dalam negara kasar (KDNK) pasca COVID-19 masih rendah berbanding pencapaian negara sebelum ini.

Bagi graduan serta kumpulan berpendidikan lain, peralihan daripada alam persekolahan ke alam pekerjaan proses yang memakan masa.

Mereka akan mencari peluang pekerjaan menggunakan sepenuhnya latihan diterima dan memenuhi aspirasi kerjaya serta jangkaan pendapatan mereka.

Berapa lama dan intensif pencarian bergantung banyak faktor. Kepesatan pertumbuhan ekonomi di mana peluang pekerjaan banyak, akan memendekkan masa pencarian. Ketidakcekapan perkhidmatan pekerjaan atau kesediaan sokongan pendapatan keluarga pula, mungkin memanjangkan masa pencarian pekerjaan relevan.

Keutamaan individu dan keluarga juga penyebab graduan secara sukarela kekal menganggur untuk mencari pekerjaan bersesuaian dan sanggup menunggu mendapatkan jawatan berstatus tinggi dalam sektor awam.

Kadar pengangguran graduan juga disebabkan berlakunya ketidaksepadanan antara kemahiran khusus diperlukan dalam pasaran buruh dengan kualiti pendidikan dan latihan disediakan IPT.

Ketidaksepadanan kemahiran mempunyai banyak dimensi - keseimbangan dalam permintaan-penawaran antara bidang pengajian (seperti kemanusiaan, sains dan kejuruteraan), keseimbangan antara kemahiran teknikal dan generik (insaniah) dan keseimbangan antara teori dan berorientasikan amalan dalam pendidikan serta latihan diterima.

Sebahagian ketidaksepadanan kemahiran hasil pilihan kerjaya individu dari segi bidang pengajian dan keutamaan berkaitan pekerjaan. Ketidaksepadanan kemahiran boleh juga timbul daripada kelemahan institusi pendidikan tertiar dalam bentuk kualiti pendidikan, fakulti dan pedagogi, penyampaian program akademik disesuaikan dengan keperluan pasaran serta sama ada kaunseling kerjaya diberikan kepada pelajar.

Dalam kerancakan perkembangan ekonomi pascaCOVID-19, semua bidang menjuruskan kepada mewujudkan peluang pekerjaan sejarah harapan menjadikan Malaysia negara berdaya saing.

Kesimpulannya, buat masa ini belia masih mencari peluang pekerjaan sesuai, dengan kebolehpasaran belia bergantung kemahiran generik dan perkembangan kerjaya.

Kemahiran generik merangkumi, dedikasi terhadap tugas diberi, kemahiran berkomunikasi, kemahiran mendengar, sifat kepemimpinan, usaha mencapai objektif dalam keadaan berisiko, sanggup menyahut cabaran dalam pekerjaan, mengenal pasti penyelesaian alternatif, berdikari, kreativiti, kemampuan menyelesaikan konflik dan daya saing tinggi.

Perkembangan kerjaya pula merangkumi aspek seperti, mempunyai hala tuju jelas mengenai kerjaya, merancang untuk pembangunan kerjaya, keupayaan menggunakan pelbagai sumber dalam mencari pekerjaan, kesediaan meningkatkan potensi diri dan memahami kehendak industri.

Inginkan masa depan lebih baik? Pilihan di tangan anda.

**Penulis adalah Pensyarah Kanan Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)**